

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 5/2020**

=====

**GARIS PANDUAN PENGEKSORTAN SUMBER BAHAN BATUAN
DAN BIJIH MINERAL NEGERI SELANGOR**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada Pentadbir Tanah Daerah (**PTD**) dan agensi-agensi teknikal berkenaan dengan Penetapan Garis Panduan Pengeksportan Sumber Bahan Batuan Dan Bijih Mineral Negeri Selangor yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (**MMKN**) ke 24/2020 pada 1 Julai 2020 yang telah disahkan oleh MMKN ke 25/2020 pada 8 Julai 2020.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Berikutan permintaan yang rendah sumber bahan batuan di sektor pembangunan telah menyebabkan lambakan (*stockpiles*) seperti bahan batuan granit dan pasir; yang secara tidak langsung akan memberikan kesan kepada kutipan hasil negeri; dan

2.2 Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Selangor, terdapat banyak permohonan daripada syarikat industri bagi tujuan pengeksportan **bahan batuan dan mineral** ke luar negara kerana terdapat permintaan yang tinggi terutama negara China dan India serta yang terbaru negara Japan dan Korea.

2.3 Sehubungan itu, pelaksanaan aktiviti pengeksporan sumber bahan batuan dan bijih mineral ini dijangka dapat meningkatkan lagi kutipan hasil negeri dan secara tidak langsung dapat mengelakkan ketirisan hasil negeri.

3. KAEDAH DAN PELAKSANAAN

3.1 Penetapan Mengikut Kategori Permohonan Yang Dibenarkan

3.1.1 Kebenaran pengeksporan sumber bahan batuan dan bijih mineral hanya diberikan kepada individu atau syarikat yang mempunyai:

- a) Permit Pengeluaran Bahan Batuan Yang Sah
 - i. Permit 4B bagi Tanah Kerajaan; atau
 - ii. Permit 4C bagi Tanah Hakmilik;
- b) Tenemen Mineral (Lesen/Pajakan) Yang Sah
 - i. Pajak Melombong bagi Tanah Kerajaan;
 - ii. Lesen Melombong Tuan Punya bagi Tanah Hakmilik;
 - iii. Kebenaran lain oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

3.1.2 Pemborong yang mendapatkan sumber bahan batuan dan bijih mineral yang sah.

3.1.3 Bagi bijih timah pula adalah **dikecualikan** daripada dasar ini kerana di Semenanjung Malaysia, syarikat **Malaysian Smelting Corporation Bhd (MSC)** di Pulau Pinang adalah syarikat tunggal yang **membeli, melebur dan menjual ke luar negara (dalam bentuk jongkong timah)**.

3.2 Penetapan Pengurusan dan Pentadbiran Berkaitan Pengeksportan Bahan Batuan dan Bijih Mineral

3.2.1 Semua permohonan untuk tujuan pengeksportan hendaklah melalui Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB), sebuah anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri;

3.2.2 Setiap permohonan hendaklah melalui KSSB sebelum dipanjangkan ke Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor;

3.2.3 Penyelarasan melalui KSSB ini akan membantu dalam mengawal ketirisan hasil melalui royalti yang dikenakan berdasarkan jumlah penghantaran untuk tujuan pengeksportan;

- 3.2.4 Pihak KSSB akan mengenakan Caj Perkhidmatan sebanyak **RM 3.00 untuk setiap tan metrik** bagi tujuan pengeksporan dan kadar ini tidak termasuk royalti kepada Kerajaan Negeri;
- 3.2.5 Kadar caj perkhidmatan ini boleh disemak dari semasa ke semasa oleh KSSB bergantung kepada keadaan pasaran dan juga kadar royalti yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri; dan
- 3.2.6 KSSB akan menyediakan perkhidmatan permohonan *Approved Permit* (AP) bagi tujuan eksport, kakitangan-kakitangan dan pengawal keselamatan yang akan berada di tapak (*stockpile*) untuk memastikan operasi memenuhi syarat kelulusan permit, mengeluarkan doket pemindahan pasir dan mineral untuk setiap muatan dengan kuantiti pemindahan sebenar dan membuat laporan berkala kepada PTD berkenaan.

3.3 Larangan Pengeksporan Bahan Batuan (Pasir) Ke Negara Singapura

- 3.3.1 Pengeksporan sumber bahan batuan (pasir) **tidak dibenarkan** dieksport ke negara Singapura selaras dengan **Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2001** serta **keputusan Jemaah Menteri** pada 23 Februari 2000 yang masih berkuatkuasa.

3.4 **Senarai Semak Semasa Permohonan**

Seperti di **Lampiran A**.

3.5 **Borang Permohonan**

Seperti di **Lampiran B**.

3.6 **Penetapan Kadar Fi Pengeluaran Bahan Batuan dan Bijih Mineral Bagi Tujuan Pengeksportan**

3.6.1 Kadar Fi Pengeluaran Bahan Batuan bagi tujuan pengeksportan adalah seperti **Jadual 1** di lampiran; dan

3.6.2 Kadar Fi Pengeluaran Bijih Mineral bagi tujuan pengeksportan adalah seperti **Jadual 2** di lampiran.

4. **PENETAPAN PENGGUNAAN SISTEM SMART DOCKET BAGI PENGELUARAN BAHAN BATUAN DAN MINERAL (PENGEKSPORTAN) KE LEUAR NEGARA**

4.1 Setiap tapak / tempat pengeluaran bahan batuan dan mineral bagi tujuan pengeksportan diwajibkan menggunakan Sistem *Smart Docket* sebelum operasi jualan dimulakan. Sistem ini merangkumi:


- a) Sistem *Smart Docket*;
- b) Set komputer;
- c) Mesin pencetak;
- d) Kamera litar tertutup; dan
- e) Perkara-perkara yang berkaitan.

5. **CARTA ALIR PERMOHONAN PERMIT PENGELUARAN BAHAN BATUAN DAN BIJIH MINERAL BAGI TUJUAN PENGEKSPORTAN**

5.1 Carta alir permohonan permit pengeluaran bahan batuan dan mineral bagi tujuan pengeksportan adalah seperti di **Lampiran C.**

6. **TARIKH KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN**

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **tarikh ianya dikeluarkan.**


(YUSRI BIN ZAKARIAH)s.m.s.
Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor
Tarikh: 25 November 2020



SENARAI SEMAKAN PERMOHONAN KELULUSAN PERMIT EKSPORT (BAHAN BATUAN DAN MINERAL)

Sila tandakan "✓" di dalam kotak yang berkenaan;

- | | | |
|--|----------|---|
| 1. Borang Permohonan Permit Eksport | | <input type="checkbox"/> |
| 2. Salinan Permit/Pajakan Melombong/Pajakan Melombong Tuan Punya | | <input type="checkbox"/> |
| 3. Pelan Tanah Kawasan Permohonan | | <input type="checkbox"/> |
| a) Pelan Ukur (Pelan disediakan oleh Jurukur Bertauliah) | | <input type="checkbox"/> |
| b) Quantity Survey oleh Jurukur Bertauliah (Stockpile) | | <input type="checkbox"/> |
| 4. Maklumat Tanah | | |
| a) Salinan Hakmilik Tanah | | <input type="checkbox"/> |
| b) Salinan Carian Rasmi Terkini | Tarikh : | <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> |
| c) Salinan Resit Bayaran Cukai Terkini | Tahun : | <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> |
| 5. Surat Kebenaran Pemilik Tanah (sekiranya perlu) | | <input type="checkbox"/> |
| 6. Pesanan Pembelian Bahan Batuan/Mineral | | <input type="checkbox"/> |
| 7. Salinan Analisis Bahan Daripada Makmal Berakreditasi | | <input type="checkbox"/> |

Lampiran B



KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.
(822993-H)

BORANG EKSPORT	
No. Permohonan	
No. Fail	
Tarikh Permohonan	

SENARAI SEMAK PERMOHONAN KELULUSAN PERMIT EKSPORT

Sila tandakan "✓" di dalam kotak yang berkenaan;

1. BUTIR-BUTIR PEMOHON/SYARIKAT
PARTICULARS OF APPLICANT/COMPANY

A. Nama Pemohon / Syarikat
Applicant's / Company's Name :

B. No. KP/ No. Syarikat
IC Number / Company Number :

C. Alamat Surat Menyurat
Correspondence Address :

Poskod
Postcode _____ Bandar
Town _____

Daerah
District _____ Negeri
State _____

No.
Telefon
Phone No. _____ No. Faks
Fax No. _____

Laman web
Website _____

E-mel
e-mail _____

D. Pegawai Bertugas
Contact Person :

Jawatan
Designation _____

No.
Telefon
Phone No. _____ E-mel
e-mail _____

**2. MAKLUMAT SYARIKAT
INFORMATION ON COMPANY**

Sila kemukakan salinan terkini dokumen-dokumen berikut yang disahkan (jika ada):
Please provide the latest certified true copies of the following documents (if any):

- | | | |
|--|---|--|
| A. Profil Syarikat
<i>Company Profile</i> | : | |
| B. Borang 9 atau Borang E (Kaedah 13)
<i>Form 9 or Form 9 (Rule 13)</i> | : | |
| C. Borang 24
<i>Form 24</i> | : | |
| D. Borang 44
<i>Form 44</i> | : | |
| E. Borang 49
<i>Form 49</i> | : | |

**3. BORANG PERMOHONAN PERMIT EKSPORT
EXPORT PERMIT APPLICATION**

- | | | |
|---|---|--|
| A. Borang Permohonan Permit Eksport
<i>Export Permit Application</i> | : | |
|---|---|--|

**4. PELAN TANAH KAWASAN PERMOHONAN
PLAN FOR THE SAID APPLIED LAND**

- | | | |
|--|---|--|
| A. Pelan Tanah (Pengeluaran Pentadbir Daerah /
Tanah)
<i>Land Plan (Obtained from Land Office)</i> | : | |
| B. Pelan Ukur (Disediakan Juruukur Bertauliah)
<i>Demarcation Plan (Prepared by Licensed Surveyor)</i> | : | |
| C. Survei Kuantiti Stockpile (Disediakan Juruukur
Bertauliah)
<i>Stockpile Quantity Survey (Prepared by Licensed Surveyor)</i> | : | |

**5. MAKLUMAT TANAH
LAND INFORMATION**

- | | | |
|--|---|--|
| A. Salinan Hakmilik Tanah
<i>Copy of Land Ownership</i> | : | |
| B. Salinan Carian Rasmi Terkini
<i>Copy of Official Land Search</i> | : | |
| C. Salinan Resit Bayaran Cukai Terkini
<i>Copy of Recent Rent Payment Receipt</i> | : | |
| D. Salinan Surat Kebenaran Pemilik Tanah (sekiranya
perlu)
<i>Copy of Landlord Permission Letter</i> | : | |

**6. INFORMASI KEBENARAN MENGELUARKAN BAHAN BATUAN
INFORMATION ON SAND EXTRACTION APPROVAL**

- | | | |
|---|---|--|
| A. Salinan Surat Kelulusan
(Lesen/Pajakan/Permit/Tender)
<i>Copy of Approval Letter (License/Lease/Permit/Tender)</i> | : | |
| i. Informasi Tempoh Sah Kelulusan
<i>Information on Approval Validity Period</i> | : | |
| ii. Jenis Bahan (pasir sungai/pasir laut/pasir lombong)
<i>Type of Material (river sand/sea sand/mining sand)</i> | : | |

iii. Lokasi Sumber Bahan
iii. Material Location

iv. Kuantiti yang Diluluskan
iv. Approved Quantity

v. Negara Destinasi Bagi Tujuan Eksport
v. Export Destination

--

7. MAKLUMAT TAMBAHAN
ADDITIONAL INFORMATION

- A. Sijil Analisis Bahan Daripada Makmal Berakreditasi
Certificate of Analysis from Accredited Laboratories :
- B. Pesanan Pembelian
Purchase Order :
- C. Salinan Kelulusan Laporan *Environmental Impact Assessment* ("EIA")
Copy of EIA Report (if related) :

8. PENGESAHAN
ENDORSEMENTS

Saya/Kami mengesahkan maklumat-maklumat yang diberikan di atas adalah benar di sepanjang pengetahuan saya/kami.
I/We that all the information provided above are true to our knowledge.

Nama Pemohon/Pegawai : _____
Applicant's/Officer's Name

Tandatangan & Cop : _____
Signature and Chop

Tarikh : _____
Date

9. UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA
FOR OFFICE USE ONLY

A. No. Rujukan Permohonan : _____
Application Reference No.


B. No. Fail : _____
File No.

C. Tarikh Permohonan Diterima : _____
Application Received On

D. Permohonan Disemak Oleh : _____
Application Vetted By

E. Ulasan : _____
Comments

Lampiran C



Jadual 1 : Kadar Fi Pengeluaran Bahan Batuan bagi tujuan pengeksportan

Jenis Bahan Batuan		Kadar Fi Pengeluaran (Pasaran Tempatan)	Kadar Fi Pengeluaran (Pengeksportan)
		RM / per meter padu (m ³) / Kilogram (kg) /	
a)	Earth (tanah)	2.00 / m ³	3.00 / m ³
b)	Laterite (tanah merah)	2.00 / m ³	3.00 / m ³
c)	Loam (lumpur)	2.00 / m ³	3.00 / m ³
d)	Clay (tanah liat)	2.00 / m ³	3.00 / m ³
e)	Sand (pasir)	3.00 / m ³	4.50 / m ³
f)	Coral (karang)	3.00 / m ³	4.50 / m ³
g)	Shell (cengkerang)	3.00 / m ³	4.50 / m ³
h)	Lime (kapur)	3.00 / m ³	4.50 / m ³
i)	Limestone (batu kapur) / Quartzite (Kuarza)	3.00 / m ³	4.50 / m ³
j)	Turf (rumput)	2.00 / m ³	3.00 / m ³
k)	Guano (najis kelawar)	2.00 / 100 kg	3.00 / 100 kg
l)	Rock, stone, granite (batu kasaran)	10.15 / m ³	15.20 / m ³
m)	Brick (clay/sand) (batu bata)	2.00 / 1,000 biji	3.00 / 1,000 biji
n)	Tile (jubin)	2.00 / 1,000 unit	3.00 / 1,000 unit
o)	Marble (marmar)	15.00	22.50
p)	Cement (simen)	3.00 / m ³	4.00 / m ³
q)	Silica powder (silika)	5.00 / m ³	7.50 / m ³
r)	Shale (syale)	3.00 / m ³	4.00 / m ³
s)	Kombinasi diantara bahan batuan di para a-r dalam kaedah ini dengan bahan batuan yang lain yang mana boleh menghasilkan sesuatu produk berlainan bolehlah dikira barang yang layak terpakai	10.00 bagi setiap 1,000 unit / m ³ (meter padu)	15.00 bagi setiap 1,000 unit / m ³ (meter padu)

Jadual 2 : Kadar Fi Bijih Mineral (Pengeksportan)

Jenis Bijih Mineral		Kadar Fi Pengeluaran (Pasaran Tempatan)	Kadar Fi Pengeluaran (Pengeksportan)
a)	Timah	5% daripada nilai	Kekal 5% merujuk kepada para 3.1.3
b)	Emas	5% daripada nilai	7.5% daripada nilai
c)	Perak	5% daripada nilai	7.5% daripada nilai
d)	Kaolin	RM 2.00/tan	RM 4.00/tan
e)	Ilmenit	5% daripada nilai	7.5% daripada nilai
f)	Pasir Silika	RM 2.00/tan	RM 3.00/tan
g)	Batu Arang	RM 1.00/tan	RM 1.50/tan
h)	Bauksit	5% daripada nilai	7.5% daripada nilai
i)	Mika	RM 2.00/tan	RM 3.00/tan
j)	Barit	RM 10.00/tan	RM 15.00/tan
k)	Tembaga	5% daripada nilai	7.5% daripada nilai
l)	Bijih Besi	5% daripada nilai	7.5% daripada nilai
m)	Hasil Sampingan Timah	5% daripada nilai	7.5% daripada nilai
n)	Lain-Lain Mineral	5% daripada nilai	7.5% daripada nilai